



GARIS PANDUAN OPERASI CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH

1. TUJUAN

- 1.1 Selaras dengan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri Cukai Keuntungan Harta Tanah (STS CKHT), garis panduan operasi ini dikeluarkan bagi memberi penjelasan mengenai tanggungjawab pelupus dan pemeroleh dalam melaporkan keuntungan daripada pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai di Malaysia kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mulai 01 Januari 2025.
- 1.2 Garis panduan operasi ini membatalkan perenggan 19 sehingga 27 Garis Panduan CKHT bertarikh 06 Januari 2023.

2. TANGGUNGJAWAB PEMEROLEH

Tanggungjawab pemeroleh adalah seperti berikut:

2.1 Mengemukakan Borang Nyata CKHT (BNCKHT)

- 2.1.1 Mengemukakan BNCKHT dalam tempoh **60 hari** dari tarikh pemerolehan harta tanah / syer yang tertakluk kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT 1976) atau dalam tempoh lanjutan masa yang dibenarkan oleh KPHDN atas permohonan bertulis kepada KPHDN seperti berikut:

Borang	Deskripsi
CKHT 2A	Pemerolehan harta tanah atau syer yang tertakluk kepada perenggan 34 atau 34A Jadual 2 ACKHT 1976

- 2.1.2 Mulai 01 Januari 2025, pengemukakan BNCKHT secara elektronik melalui e-CKHT di portal MyTax melalui <https://mytax.hasil.gov.my> adalah mandatori ke atas semua kategori pembayar cukai bagi semua pelupusan aset yang tertakluk kepada ACKHT 1976.

- (a) Sekiranya tiada nombor pengenalan cukai (TIN), permohonan bagi pendaftaran TIN boleh dikemukakan melalui perkhidmatan e-Daftar di portal MyTax.
- (b) Nota panduan pengisian e-CKHT boleh diperoleh dan dimuat turun dari Portal Rasmi LHDNM > Muat Turun Borang > CKHT.
- (c) Contoh BNCKHT kertas boleh dimuat turun dan dicetak di Portal Rasmi LHDNM > Muat Turun Borang > CKHT.
- (d) Pengemukaan BNCKHT kertas adalah tidak diterima dan dianggap gagal mengemukakan BNCKHT sekiranya tiada pengemukaan semula dibuat melalui e-CKHT di portal MyTax.

2.1.3 Mengisi Borang CKHT 2A secara berasingan bagi setiap pemeroleh.

2.1.4 Pemeroleh adalah dikecualikan daripada mengemukakan BNCKHT jika keuntungan daripada pelupusan aset tertakluk di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). Contohnya pembelian aset daripada projek pemajuan harta tanah.

2.2 Membuat bayaran di bawah Seksyen 21B ACKHT 1976

2.2.1 Tempoh memegang simpan dan membayar di bawah seksyen 21B ACKHT 1976

- (a) Merujuk kepada subseksyen 21B(1) ACKHT 1976, sekiranya balasan bagi sesuatu pelupusan terdiri kesemuanya atau sebahagiannya daripada wang, pemeroleh bertanggungjawab memegang simpan kesemua balasan wang atau suatu jumlah wang tidak melebihi 3% / 5% / 7% daripada jumlah nilai balasan mengikut mana-mana yang lebih rendah dan membayar kepada KPHDN dalam tempoh **60 hari** selepas tarikh pelupusan aset.

Muka surat **3** daripada **20**

- (b) Bayaran di bawah seksyen 21B ACKHT 1976 merupakan sebahagian daripada bayaran cukai yang telah dibuat bagi pihak pelupus.
- (c) Pemeroleh perlu memegang simpan suatu amaun mengikut kadar pegang simpan bergantung kepada kategori pelupus seperti berikut :

Kategori pelupus (Bahagian dalam Jadual 5 ACKHT 1976)	Tempoh pegangan aset oleh pelupus	Kadar pegang simpan oleh pemeroleh*
Bahagian I	Tanpa mengambil kira tempoh pegangan	3%
Bahagian II	Pelupusan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pemerolehan	5%
Bahagian II	Pelupusan dalam tahun ke-4 dan seterusnya	3%
Bahagian III	Tanpa mengambil kira tempoh pegangan	7%

**Mulai 01 Januari 2022*

- (d) Sekiranya pemeroleh menerima Borang CKHT 3 daripada pelupus melalui e-CKHT di portal MyTax, pemeroleh diberi konsesi untuk tidak memegang simpan dan membayar wang di bawah seksyen 21B ACKHT 1976.
- (e) Jika Borang CKHT 3 tidak diterima daripada pelupus, maka amaun di bawah seksyen 21B ACKHT 1976 hendaklah dibayar kepada KPHDN dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan aset.

2.2.2 Prosedur Bayaran di bawah Seksyen 21B ACKHT 1976

- (a) Pemeroleh perlu menggunakan Nombor Bil yang tertera di dalam Slip Pengesahan Penerimaan BNCKHT 2A di portal MyTax untuk membuat bayaran di bawah seksyen 21B ACKHT 1976 melalui kemudahan seperti berikut :
 - (i) ByrHasil FPX (*Financial Process Exchange*)
 - o capaian <https://byrhasil.hasil.gov.my>;
 - o Pengguna perlu mempunyai akaun perbankan elektronik dengan mana-mana bank yang menyertai FPX; atau
 - (ii) Bank ejen kutipan HASiL yang telah dilantik dengan menggunakan Nombor Bil sahaja.
- (b) Senarai bank ByrHasil FPX dan bank ejen kutipan HASiL adalah seperti di Portal Rasmi LHDNM.

2.2.3 Pengenaan kenaikan di bawah subseksyen 21B(2) ACKHT 1976, tindakan guaman sivil di bawah seksyen 23 ACKHT 1976 dan tindakan sekatan perjalanan di bawah seksyen 22 ACKHT 1976

- (a) Pemeroleh boleh dikenakan suatu kenaikan cukai di bawah subseksyen 21B(2) ACKHT 1976 sekiranya gagal membuat bayaran suatu amaun di bawah seksyen 21B ACKHT 1976 dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan aset atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh KPHDN. Kenaikan cukai yang boleh dikenakan adalah bersamaan dengan 10% amaun yang gagal dibayar tersebut.

- (b) Tindakan guaman sivil di bawah seksyen 23 ACKHT 1976 boleh diambil terhadap pemeroleh ke atas tunggakan cukai yang gagal dibayar dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dan ia telah menjadi hutang tertunggak kepada kerajaan.
- (c) Tindakan sekatan perjalanan di bawah seksyen 22 ACKHT 1976 boleh diambil terhadap pemeroleh yang gagal menjelaskan cukai atau baki cukai yang kena dibayar dalam tempoh yang ditetapkan.

2.3 Tindakan pendakwaan ke atas pemeroleh

2.3.1 Subseksyen 29(1) ACKHT 1976

- (a) Tindakan pendakwaan di bawah subseksyen 29(1) ACKHT 1976 boleh diambil ke atas pemeroleh atas kegagalan mengemukakan Borang CKHT 2A dalam tempoh 60 hari dari tarikh pemerolehan.
- (b) Jika sabit kesalahan pemeroleh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

2.3.2 Seksyen 36 ACKHT 1976

- (a) Tindakan pendakwaan di bawah seksyen 36 ACKHT 1976 boleh dikenakan sekiranya pemeroleh gagal mengemukakan Borang CKHT 2A dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pemerolehan atau mematuhi notis yang dikeluarkan oleh KPHDN dalam tempoh yang ditetapkan.

- (b) Jika sabit kesalahan pemeroleh boleh dikenakan penjara tidak melebihi satu (1) tahun atau denda tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

3. TANGGUNGJAWAB PELUPUS

Tanggungjawab pelupus adalah seperti berikut:

3.1 Mengemukakan BNCKHT

- 3.1.1 Mengemukakan BNCKHT dalam tempoh **60 hari** dari tarikh pelupusan aset yang tertakluk kepada ACKHT 1976 atau dalam tempoh lanjutan masa yang dibenarkan oleh KPHDN atas permohonan bertulis kepada KPHDN seperti berikut:

Borang	Deskripsi
CKHT 1A	Pelupusan harta tanah tertakluk di bawah ACKHT 1976
CKHT 1B	Pelupusan syer tertakluk kepada perenggan 34 atau 34A Jadual 2 ACKHT 1976
CKHT 3	Pemberitahuan di bawah subseksyen 13(6) ACKHT 1976 : Perakuan pelupusan aset tidak tertakluk kepada cukai atau dikecualikan daripada bayaran cukai

- 3.1.2 Mulai 01 Januari 2025, pengemukaan BNCKHT secara elektronik melalui e-CKHT di portal MyTax melalui <https://mytax.hasil.gov.my> adalah mandatori ke atas semua kategori pembayar cukai bagi semua pelupusan aset yang tertakluk di bawah ACKHT 1976.

- (a) Sekiranya tiada nombor pengenalan cukai (TIN), permohonan bagi pendaftaran TIN boleh dikemukakan melalui perkhidmatan e-Daftar di portal MyTax.

- (b) Nota panduan pengisian e-CKHT boleh diperoleh dan dimuat turun dari Portal Rasmi LHDNM > Muat Turun Borang > CKHT.
- (c) Contoh BNCKHT kertas boleh dimuat turun dan dicetak di Portal Rasmi LHDNM > Muat Turun Borang > CKHT.
- (d) Pengemukaan BNCKHT kertas adalah tidak diterima dan dianggap gagal mengemukakan BNCKHT sekiranya tiada pengemukaan semula dibuat melalui e-CKHT di portal MyTax.

3.1.3 Mengisi Borang CKHT 1A / Borang CKHT 1B secara berasingan bagi setiap pelupus.

3.1.4 Bagi pelupusan satu harta tanah / syer yang mempunyai tarikh pemerolehan berbeza, maklumat di Pengiraan Keuntungan / Kerugian Pelupusan Harta Tanah / Syer hendaklah diisi mengikut tarikh dan bahagian pemerolehan berkaitan. Semua tuntutan kos sampingan termasuk perbelanjaan pelupusan dan pemerolehan diisi dalam ruang yang berkaitan mengikut bahagian pelupusan dan pemerolehan.

3.1.5 Melengkapkan maklumat yang berkenaan dalam membuat pengiraan keuntungan yang boleh dikenakan cukai sehingga kepada amaun cukai yang kena dibayar (jika ada). Kadar cukai adalah seperti di Portal Rasmi LHDNM > Perkhidmatan > CKHT > Kadar CKHT.

3.1.6 Mengisi Borang CKHT 3 [Pemberitahuan di bawah subseksyen 13(6) ACKHT 1976] dengan lengkap bagi kes berikut:

- (a) Permohonan pemilihan pengecualian cukai untuk pelupusan kediaman persendirian di bawah seksyen 8 ACKHT 1976.

- (b) Pelupusan aset mengakibatkan kerugian kerana harga pelupusan adalah kurang daripada harga pemerolehan / pelupusan aset yang tiada keuntungan / tiada untung atau rugi (*no gain no loss*).
- (c) Pelupusan aset yang dikecualikan cukai di bawah Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) / surat pengecualian. Sila nyatakan nombor perintah / nombor rujukan surat pengecualian.
- (d) Pelupusan aset yang dikecualikan cukai menurut peruntukan ACKHT 1976 yang berkenaan.

3.1.7 Pelupus adalah dikecualikan daripada mengemukakan BNCKHT jika keuntungan daripada pelupusan aset tertakluk di bawah ACP 1967.

Sebagai contoh penjualan rumah oleh pemaju kepada pembeli tidak tertakluk kepada pengemukaan BNCKHT kerana rumah tersebut merupakan stok perniagaan kepada pemaju perumahan yang mana keuntungan penjualan adalah tertakluk di bawah ACP 1967.

3.2 BNCKHT disifatkan sebagai taksiran

- 3.2.1 Mulai 01 Januari 2025, BNCKHT yang dikemukakan oleh pelupus di bawah seksyen 13 ACKHT 1976 adalah disifatkan sebagai suatu notis taksiran dan notis taksiran tersebut disifatkan telah diserahkan kepada pelupus pada tarikh BNCKHT dikemukakan kepada KPHDN.

3.3 Membuat bayaran baki cukai

3.3.1 Tempoh bayaran baki cukai

- (a) Pelupus hendaklah membayar cukai atau baki cukai yang kena dibayar di bawah suatu taksiran dalam tempoh **90 hari** dari tarikh pelupusan sama ada terdapat rayuan atau tidak terhadap taksiran tersebut.
- (b) Baki cukai wujud apabila amaun remitan oleh pemeroleh di bawah seksyen 21B ACKHT 1976 kurang daripada jumlah cukai yang kena dibayar oleh pelupus. Pelupus perlu menjelaskan baki cukai tersebut.
- (c) Sekiranya pelupus menerima notis taksiran asal / tambahan, bayaran baki cukai hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran.

3.3.2 Prosedur bayaran baki cukai

- (a) Pelupus perlu membuat bayaran cukai atau baki cukai menggunakan **Nombor Bil** yang tertera di dalam Slip Pengesahan Penerimaan e-CKHT 1A / 1B secara :
 - (i) ByrHasil FPX (Financial Process Exchange)
 - Capaian melalui capaian <https://byrhasil.hasil.gov.my>;
 - Pengguna perlu mempunyai akaun perbankan elektronik dengan mana-mana bank yang menyertai FPX; atau
 - (ii) Bank ejen kutipan HASiL yang telah dilantik;

(iii) Pejabat Pos Malaysia secara tunai.

(b) Senarai bank ByrHasil FPX (Financial Process Exchange) dan bank ejen kutipan HASiL serta perkhidmatan yang disediakan adalah seperti di Portal Rasmi LHDNM.

3.3.3 Pengenaan kenaikan di bawah subseksyen 21(4) ACKHT 1976, tindakan guaman sivil di bawah seksyen 23 ACKHT 1976 dan tindakan sekatan perjalanan di bawah seksyen 22 ACKHT 1976

(a) Pelupus boleh dikenakan suatu kenaikan cukai di bawah subseksyen 21(4) ACKHT 1976 sekiranya pelupus gagal membayar cukai atau baki cukai genap masanya dan kena dibayar dalam tempoh 30 hari selepas notis taksiran disampaikan atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh KPHDN.

(b) Mulai 1 Januari 2025, dengan pelaksanaan STS CKHT, pelupus boleh dikenakan suatu kenaikan cukai di bawah subseksyen 21(4) ACKHT 1976 sekiranya pelupus gagal membayar cukai atau baki cukai genap masanya dan kena dibayar dalam tempoh 90 hari dari tarikh pelupusan.

(c) Kenaikan cukai yang boleh dikenakan adalah bersamaan dengan 10% daripada cukai atau baki cukai kena dibayar yang gagal dibayar.

(d) Tindakan guaman sivil di bawah seksyen 23 ACKHT 1976 boleh diambil terhadap pelupus ke atas tunggakan cukai yang gagal dibayar dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dan ia menjadi hutang tertunggak kepada kerajaan.

- (e) Tindakan sekatan perjalanan di bawah seksyen 22 ACKHT 1976 boleh diambil terhadap pelupus yang gagal menjelaskan cukai atau baki cukai yang kena dibayar dalam tempoh yang ditetapkan.

3.4 Menyimpan rekod dan dokumen

- 3.4.1 Menyimpan dokumen bagi **tempoh tujuh (7) tahun** daripada akhir tahun taksiran dalam mana taksiran tersebut telah dibangkitkan dan mengemukakan ke KPHDN sekiranya diminta.
- 3.4.2 Jika BNCKHT telah dikemukakan lewat kepada KPHDN, tempoh **tujuh (7) tahun** tersebut akan bermula selepas akhir tahun BNCKHT tersebut dikemukakan kepada KPHDN.

3.5 Pengenaan penalti kepada pelupus

3.5.1 Penalti di bawah subseksyen 29(3) ACKHT 1976

- (a) Pelupus boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 29(3) ACKHT 1976 sekiranya:
 - (i) Borang CKHT 1A / CKHT 1B gagal dikemukakan dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan aset atau tarikh lanjutan masa yang dibenarkan; atau
 - (ii) Pelupus gagal mengisytiharkan pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai.

- (b) Penalti boleh dikenakan sehingga tiga kali ganda dari amaun cukai yang kena dibayar.

3.5.2 Penalti di bawah subseksyen 30(2) ACKHT 1976

- (a) Pelupus boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 30(2) ACKHT 1976 sekiranya pelupus membuat suatu penyata atau memberikan maklumat yang tidak betul berkenaan suatu pelupusan aset.
- (b) Penalti yang boleh dikenakan adalah bersamaan dengan amaun cukai terkurang lapor.

3.5.3 Kenaan di bawah subseksyen 14(5) dan 15(4) ACKHT 1976

- (a) Pelupus boleh dikenakan suatu kenaan menurut subseksyen 14(5) dan 15(4) ACKHT 1976 jika membuat suatu pemberitahuan yang tidak betul atau salah di bawah subseksyen 13(6) ACKHT 1976 dalam Borang CKHT 3.
- (b) Keterangan tidak betul atau salah oleh pelupus dalam Borang CKHT 3 tersebut menyebabkan pemeroleh gagal meremit bayaran yang dikehendaki di bawah subseksyen 21B(1) atau 21B(1A) ACKHT 1976 kepada KPHDN.
- (c) Kenaan adalah suatu jumlah bersamaan 10% cukai yang kena dibayar yang akan dimasukkan dalam taksiran ke atas pelupus.

3.6 Tindakan pendakwaan ke atas pelupus

3.6.1 Seksyen 29(1) ACKHT 1976

- (a) Tindakan pendakwaan di bawah subseksyen 29(1) ACKHT 1976 boleh diambil ke atas pelupus yang gagal mematuhi peruntukan di bawah subseksyen 13(1) ACKHT 1976 iaitu kegagalan mengemukakan Borang CKHT 1A atau 1B dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan atau tempoh lanjutan masa yang dibenarkan atau gagal membuat suatu akuan dalam penyata bagi maksud undang-undang cukai pendapatan sama ada atau tidak dia telah melakukan sesuatu pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai.
- (b) Jika sabit kesalahan pelupus boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

3.6.2 Seksyen 36 ACKHT 1976

- (a) Tindakan pendakwaan di bawah seksyen 36 ACKHT 1976 boleh dikenakan sekiranya pelupus gagal mengemukakan Borang CKHT 1A atau CKHT 1B dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan atau mematuhi notis yang dikeluarkan oleh KPHDN dalam tempoh yang ditetapkan.
- (b) Jika sabit kesalahan pelupus boleh dikenakan penjara tidak melebihi satu (1) tahun atau denda tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

4. PROSEDUR BAYARAN BALIK CKHT

4.1 Bayaran balik kepada pelupus boleh berlaku dalam keadaan berikut:

- a) Perjanjian jual beli dibatalkan;
- b) Pelupusan yang mendapat pengecualian cukai;
- c) Kes tidak kena cukai;
- d) Cukai terlebih bayar; atau
- e) Penghapusan kenaikan cukai.

4.2 Dokumen yang perlu dikemukakan bagi permohonan bayaran balik adalah seperti berikut:

- (a) *Deed of Revocation* / Perjanjian pembatalan pelupusan ; atau
- (b) Surat pembayaran balik duti setem bersama dokumen sokongan ; atau
- (c) Dokumen rasmi lain yang dapat membuktikan pembatalan pelupusan / transaksi jualan berkenaan.

4.3 Sekiranya perjanjian jual beli dibatalkan selepas bayaran di bawah seksyen 21B ACKHT 1976 telah diremitkan kepada KPHDN dan sebelum pelupusan tersebut dilaporkan, pelupus perlu memaklumkan pembatalan tersebut ke Seksyen Pungutan LHDNM Negeri/ Cawangan Khas berkenaan untuk memohon bayaran balik.

4.4 Sekiranya perjanjian jual beli dibatalkan selepas pelupusan tersebut dilaporkan kepada LHDNM, pelupus perlu memaklumkan pembatalan tersebut ke Seksyen CKHT LHDNM Negeri / Cawangan Khas berkenaan dan memohon bayaran balik. Bayaran balik kepada pelupus boleh diproses apabila akaun pelupus berbaki kredit (mempunyai amaun boleh dibayar balik).

- 4.5** Bayaran balik dibayar kepada pelupus atas prinsip undang-undang kerana cukai adalah dikenakan atas keuntungan pelupus.
- 4.6** Sekiranya bayaran balik hendak dibayar kepada pemeroleh, Surat Akuan Persetujuan Permohonan Bayaran Balik CKHT kepada pemeroleh yang perlu ditandatangani oleh pelupus serta diikrarkan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah dan perlu dikemukakan kepada LHDNM Negeri/ Cawangan Khas yang mengendalikan fail pelupus seperti di **Lampiran 1**.
- 4.7** Tuntutan pembayaran balik boleh dibuat dalam tempoh lima (5) tahun selepas akhir tahun taksiran tuntutan berkaitan.

5. BORANG NYATA TERPINDA (BNT) CKHT

Peruntukan baharu Seksyen 13A ACKHT 1976 yang berkuatkuasa 01 Januari 2025 membenarkan pelupus membuat pindaan berkenaan taksiran disifatkan ke atas BNCKHT yang telah dikemukakan kepada KPHDN sekiranya memenuhi syarat dan kriteria kelayakan yang ditetapkan.

5.1 Syarat BNT CKHT

- 5.1.1** Pindaan taksiran boleh dibuat oleh pelupus dengan mengemukakan BNT CKHT kepada KPHDNM dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh yang ditetapkan bagi pengemukakan BNCKHT (dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan aset).
- 5.1.2** Pelupus yang telah mengemukakan BNCKHT dalam tempoh ditetapkan adalah dibenarkan membuat pindaan taksiran disifatkan dan pindaan taksiran disifatkan ini hanya boleh dibuat sekali sahaja.

5.2 Kategori dibenarkan BNT CKHT

5.2.1 Pelupus hendaklah melaporkan maklumat tambahan dan meminda taksiran bagi membetulkan kesilapan dalam BNCKHT melalui BNT CKHT berhubung dengan:

- (a) keuntungan berkurang atau tidak lapor;
- (b) kos sampingan/ perbelanjaan lain terlebih tuntut; dan
- (c) perubahan tarikh pelupusan atau tarikh pemerolehan yang melibatkan perubahan kadar cukai.

5.2.2 Pindaan taksiran disifatkan melalui pengemukaan BNT CKHT boleh menyebabkan perubahan:

- (a) dari tidak kena cukai kepada kena cukai;
- (b) dari kena cukai kepada cukai tambahan; atau
- (c) dari bayaran balik kepada mengurangkan bayaran balik.

5.3 Kes Tidak Layak BNT CKHT

Jika KPHDN telah membuat taksiran bagi tahun taksiran itu dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh pengemukaan BNCKHT.

5.4 Pengiraan kenaikan atas pindaan taksiran disifatkan – subseksyen 13A(4)

5.4.1 Taksiran asal atau taksiran tambahan yang disifatkan dan kena dibayar di bawah peruntukan baharu ini, adalah tertakluk kepada kenaikan cukai.

5.4.2 Pelupus akan mengisi sendiri ruang pengiraan kenaikan cukai yang terdapat pada BNT CKHT.

5.4.3 Kadar kenaikan : 10% atas cukai / cukai tambahan.

5.5 Jenis BNT CKHT

Borang	Deskripsi
BNT CKHT 1A	Pelupusan harta tanah tertakluk kepada ACKHT 1976
BNT CKHT 1B	Pelupusan syer tertakluk kepada perenggan 34 atau 34A Jadual 2 ACKHT 1976

5.6 Kaedah pengemukaan BNT CKHT

5.6.1 Pengemukaan BNT CKHT adalah secara elektronik melalui e-CKHT di portal MyTax melalui <https://mytax.hasil.gov.my>.

5.6.2 Nota panduan pengisian e-BNT CKHT boleh diperoleh dan dimuat turun dari Portal Rasmi LHDNM di <http://www.hasil.gov.my>.

5.7 BNT CKHT disifatkan sebagai taksiran

BNT CKHT yang dikemukakan di bawah seksyen 13A ACKHT 1976 adalah disifatkan sebagai notis taksiran atau taksiran tambahan dan notis taksiran atau taksiran tambahan itu hendaklah disifatkan disampaikan pada tarikh BNT CKHT itu dikemukakan.

5.8 Bayaran cukai / cukai tambahan

5.8.1 Jika BNT CKHT telah dikemukakan, cukai atau cukai tambahan yang kena dibayar di bawah taksiran itu hendaklah dibayar pada tarikh BNT CKHT dikemukakan tanpa mengambil kira sama ada atau tidak pelupus merayu terhadap taksiran atau taksiran tambahan tersebut.

5.8.2 Pelupus perlu membuat bayaran cukai atau baki cukai CKHT menggunakan **Nombor Bil** yang tertera di dalam Slip Pengesahan Penerimaan e-BNT CKHT secara :

- (a) ByrHasil FPX (Financial Process Exchange) melalui capaian <https://byrhasil.hasil.gov.my>;

- (b) Bank ejen kutipan HASiL yang telah dilantik; atau
- (c) Pejabat Pos Malaysia secara tunai.

5.8.3 Senarai bank ByrHasil FPX dan bank ejen kutipan HASiL adalah seperti di Portal Rasmi LHDNM.

6. PROSEDUR RAYUAN RELIF DI BAWAH SEKSYEN 19 ACKHT 1976

- 6.1** Seorang pembayar cukai boleh membuat permohonan relif ke atas kesalahan atau kesilapan dalam BNCKHT yang dibuat olehnya. Penentuan sama ada pembayar cukai telah melakukan kesalahan atau kesilapan merupakan persoalan fakta dan undang-undang.
- 6.2** Beban pembuktian terdapatnya kesalahan atau kesilapan adalah terletak di pihak pembayar cukai. KPHDN hanya akan menyemak semula taksiran sekiranya berpuas hati bahawa pembayar cukai telah melakukan kesalahan atau kesilapan dalam BNCKHT atau pernyataan yang dibuat olehnya bagi tujuan ACKHT 1976 yang dikemukakan kepada KPHDN.
- 6.3** Syarat-syarat bagi permohonan relif di bawah seksyen 19 ACKHT 1976 adalah:
 - (a) permohonan relif tidak akan dipertimbangkan sekiranya BNCKHT yang dikemukakan selari dengan pendirian, ketetapan dan amalan KPHDN yang terdapat pada masa taksiran itu dibuat.
 - (b) pembayar cukai telah membayar kesemua cukai yang telah ditaksir bagi pelupusan aset berkenaan.
- 6.4** Pembayar cukai perlu membuat permohonan bertulis melalui surat atau Borang CKHT 15C kepada KPHDN dalam tempoh masa lima (5) tahun selepas berakhirnya tahun taksiran di mana taksiran itu disifatkan atau dibangkitkan.

7. PROSEDUR RAYUAN RELIF DI BAWAH SEKSYEN 19A ACKHT 1976

7.1 Seorang pembayar cukai boleh membuat permohonan relif ke atas selain berkenaan dengan kesalahan atau kesilapan dalam BNCKHT yang dibuat olehnya berdasarkan faktor-faktor berikut:

- (a) apa-apa pengecualian, relif, penghapusan (remission), elaun atau potongan di bawah ACKHT 1976 atau mana-mana undang-undang bertulis yang telah diwartakan selepas tahun taksiran yang mana BNCKHT telah dikemukakan; atau
- (b) kelulusan untuk apa-apa pengecualian, relif, penghapusan (remission), elaun atau potongan yang diperolehi selepas tahun taksiran yang mana BNCKHT telah dikemukakan.

7.2 Syarat-syarat bagi permohonan relif di bawah seksyen 19A ACKHT 1976 adalah:

- (a) pembayar cukai hendaklah mengemukakan BNCKHT mengikut subseksyen 13 ACKHT 1976; dan
- (b) pembayar cukai telah membayar kesemua cukai yang telah ditaksir bagi pelupusan tersebut.

7.3 Pembayar cukai perlu membuat permohonan bertulis kepada KPHDN melalui surat atau Borang CKHT 15F dalam tempoh lima (5) tahun selepas berakhir tahun yang mana pengecualian, relif, penghapusan, elaun atau potongan tersebut diterbitkan di dalam Warta, atau kelulusan diperolehi, yang mana terkemudian.

LAMPIRAN 1

**PERMOHONAN BAYARAN BALIK CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH
SURAT AKUAN PERSETUJUAN**

Saya _____ (No. Kad Pengenalan: xxxxxx-xx-xxxx)
(Pelupus)

dan beralamat di _____

dengan ini bersetuju membenarkan bayaran balik sejumlah RM _____

diproses atas nama _____ (No. Kad Pengenalan:
(Pemeroleh)

_____) dan beralamat di _____

.....
Tandatangan Pelupus

Nama: _____

No. KP: _____

.....
Tandatangan Pemeroleh

Nama: _____

No. KP: _____

Dinyatakan dan sesungguhnya diakui

.....
Pesuruhjaya Sumpah